

Pusat sehati denggi pertama

Majlis Gabungan Denggi dilancarkan di PPR Pantai Ria

Inisiatif bersama gabungan lapan badan akademik dan profesional yang dinamakan Majlis Gabungan Denggi, baru-baru ini melancarkan Pusat Sehati Denggi (D1SC) di Program Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Ria, Lembah Pantai Kuala Lumpur.

Dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, D1SC adalah inisiatif bersama IM4U, Persatuan Integrasi Perubatan Profesional Malaysia (Mimpa), Persatuan Perubatan Islam Malaysia (Imam), Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Doktor (MediIUM), Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Fakulti Alam Bina Universiti Malaya, dan Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram).

Menyadari keperluan masyarakat tempatan untuk bersikap lebih proaktif dalam usaha mencegah denggi, pusat ini bertindak sebagai lokasi setempat bagi masyarakat sekeliling melibatkan diri. Pusat ini bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap kes demam denggi yang semakin meningkat di negara ini dan juga untuk mendidik dan menggalakkan masyarakat tempatan belajar daripada pakar denggi tentang cara untuk mengawal wabak penyakit ini dalam kawasan kejiranan mereka.

Fasa pertama membabitkan latihan sekumpulan sukarelawan yang akan menjadi kumpulan sukarelawan utama yang bertanggungjawab untuk mendidik dan melatih sukarelawan lain dalam usaha mencegah dan mengawal denggi dan nyamuk Aedes. Bersama dengan Kementerian Kesihatan, Majlis Gabungan Denggi juga telah



Dari kiri: Dr Mohd Dzulkhairi, Dr Lokman Hakim, Pengasas dan Presiden Mimpa, Dr Dhesi Baha Raja, wakil WHO Malaysia, Brunei dan Singapura Dr Graham Harrison; dan Pengarah Kumpulan Pengurusan Jenama IM4U, Emy Johan.

menganjurkan program Bimbing Bakal Pembimbing untuk 50 sukarelawan sebagai skuad Combi (Komunikasi bagi Perubahan Tingkah Laku) denggi pada 16 Ogos lalu.

"Selaras dengan satu daripada lima tunggak organisasi kami, iaitu kesejahteraan masyarakat, kami mahu menggalakkan orang ramai menimba pengetahuan termasuk mempelajari langkah pencegahan secara lestari yang merupakan langkah pertama dalam usaha mencari penyelesaian kepada isu demam denggi di negara kita," kata Ketua Pegawai Operasi IM4U, Azlan Rudy Malik.

Dua sukarelawan tetap akan ditempatkan di pusat ini untuk

melaporkan sekali seminggu tentang status tempat yang mencatat banyak kes denggi. Menggunakan kit peralatan Combi, sukarelawan D1SC akan dilatih untuk menentang denggi dengan belajar proses *search and destroy* sarang pembiakan nyamuk Aedes yang menyebarkan denggi.

Pusat ini membolehkan orang ramai menjadi sukarelawan dan belajar tentang pelbagai aktiviti yang boleh dijalankan di kawasan kejiranan mereka.

Kesan gejala penyakit

Sukarelawan ini kemudian akan dihantar ke kawasan yang dilaporkan mencatat bilangan kes denggi yang tinggi dengan bimbingan jawatankuasa

Majlis Gabungan Denggi untuk meningkatkan kesedaran terhadap bahaya mengabaikan kebersihan dan kesihatan serta kesedaran pencegahan pembiakan nyamuk. Mereka juga akan mengajar orang ramai bagaimana untuk mengesan gejala penyakit itu dan tindakan yang perlu diambil.

Pengarah Program Kesihatan Mimpa, Dr Mohd Dzulkhairi Mohd Rani berkata, dengan satu pendekatan mudah dan terus yang secara khususnya dirancang untuk menarik warga masyarakat tempatan mengunjungi pusat ini, D1SC di Pantai Ria adalah pusat yang pertama antara 12 pusat yang akan dilancarkan di seluruh Malaysia.

"Kami berharap untuk mendorong dan menggalakkan golongan belia, khususnya, untuk bangkit menyertai organisasi ini dalam usaha membantu mengekang kes denggi yang meningkat di Malaysia," katanya.

Rakan kerjasama termasuklah Shieldtox, yang akan menjual produk terpilih pada harga kos, BASF Malaysia, yang akan memberikan produk terpilih secara percuma dan Tiger Balm, yang akan membekalkan penghalau serangga kepada pusat ini.

Sehingga Oktober lalu, 80,578 kes telah dicatatkan di negara kita berbanding 25,119 kes dalam tempoh yang sama tahun lepas. Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti 113 kawasan wabak denggi di negara ini, dengan 65 kes di Selangor, 45 kes di Kelantan dan masing-masing satu kes di Sarawak, Sabah dan Perak.